

## PANDUAN PERMOHONAN NAMA PERNIAGAAN

1. Nama perniagaan merupakan gaya atau tajuk yang digunakan bagi pengenalan sesuatu perniagaan yang dijalankan.
2. Nama perniagaan boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu :

### 2.1 Nama tred (Trade name)

- Nama perniagaan berbentuk tred (trade) bererti nama, gaya, tajuk atau pengenalan di bawah mana sesuatu perniagaan itu dijalankan dan hanya boleh digunakan selepas mendapat kelulusan dari Pendaftar Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- **Contoh** : nama perniagaan berbentuk tred *ABC Enterprise, Perniagaan Muhibah Sentosa*

### 2.2 Nama Sendiri

- Perniagaan yang menggunakan nama pemilik seperti kad pengenalan, peniaga boleh terus memohon kepada Pendaftar Perniagaan untuk mendaftarkan perniagaan di Borang A.
- **Contoh** : Ali bin Ahmad, Chan Seng Chow dan Ramasamy a/l Nagalingam

## **PROSEDUR MEMOHON KELULUSAN NAMA TRED**

1. Pemilik perniagaan hendaklah mengisi borang permohonan nama perniagaan (PNA.42).
2. Borang permohonan nama yang telah dilengkapkan boleh dikemukakan kepada Seksyen Pendaftaran Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia melalui kaunter atau pos.
3. Pemilik perniagaan hendaklah melengkapkan borang permohonan nama (PNA.42) dengan mengemukakan bersama maklumat berikut : -
  - Nama perniagaan yang dicadangkan;
  - Nama dan nombor kad pengenalan pemilik perniagaan;
  - Jenis perniagaan yang akan dijalankan;
  - Tandatangan pemilik dan tarikh permohonan.
4. Permohonan yang dikemukakan melalui kaunter akan diproses dan diberikan keputusan dalam tempoh masa 60 minit.
5. Nama perniagaan yang telah diluluskan sah selama tiga puluh (30) hari. Sekiranya tempoh tiga puluh hari tamat, pemilik perniagaan hendaklah mengemukakan permohonan yang baru.
6. Nama perniagaan yang telah didaftarkan tidak boleh diubah atau ditukar.

## **NAMA-NAMA YANG TIDAK BOLEH DIDAFTARKAN KECUALI DENGAN KELULUSAN MENTERI**

(1) Kecuali dengan kelulusan Menteri, tiada perniagaan boleh didaftarkan dengan suatu nama yang –

- (a) mengandungi mana-mana perkataan yang mencadangkan perhubungan dengan Yang di Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong atau Raja sesebuah Negeri atau seorang kerabat Diraja atau naungan diraja termasuk perkataan-perkataan “Diraja” atau mana-mana ungkapan persamaan yang mengandungi makna yang sama;
- (b) mengandungi mana-mana perkataan yang mencadangkan perhubungan dengan Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri, badan berkuasa, pihak berkuasa atau agensi atau mana-mana perbadanan atau lain-lain pihak berkuasa tempatan, termasuk perkataan-perkataan seperti “Persekutuan”, “Negeri” atau “Kebangsaan”;
- (c) mengandungi mana-mana perkataan yang mencadangkan perhubungan dengan mana-mana kerajaan Asean, Komenwel atau lain-lain kerajaan asing atau dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau lain-lain organisasi antarabangsa;
- (d) mengandungi perkataan-perkataan “Chartered” atau mana-mana perkataan-perkataan yang mencadangkan perhubungan dengan mana-mana Pertubuhan atau badan yang diperbadankan oleh “Royal Charter”.

- (e) mengandung perkataan-perkataan “Persatuan”, “Kesatuan”, “Yayasan”, “Amanah”, “Angkatan”, “Koperasi”, “Antarabangsa” atau mana-mana ungkapan yang mengandung makna yang sama;
  - (f) mengandung mana-mana perkataan yang buruk atau yang mungkin menyinggung perasaan masyarakat;
  - (g) mengandung mana-mana perkataan yang mengelirukan tentang jenis, skop atau kepentingan perniagaan yang dijalankan atau yang akan dijalankan di bawah nama tersebut;
  - (h) mengandung mana-mana perkataan yang menyinggung perasaan mana-mana kaum atau agama.
- (2) Pendaftar dengan kebenaran Menteri boleh menghadkan penggunaan apa-apa nama lain yang pada pendapatnya adalah tidak wajar dan Pendaftar hendaklah menyebabkan nama-nama tersebut disiarkan di dalam *Warta*.